

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

19 MAC 2019

SELASA



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
HARIAN METRO	SALUR BANTUAN KEPERLUAN RM10,000 KEPADA MANGSA SUNGAI KIM KIM	2
UTUSAN MALAYSIA	TUJUH TONG DIPERCAYAI SISA BUANGAN TOKSIK DITEMUKAN	3
KOSMO	9 SUSPEK CEMAR SUNGAI DITAHAN	4
NEW STRAITS TIMES	THE CASE FOR A 'BETTER SAFE THANSORRY' POLICY	5
THE STAR	JOHOR MB PROMISES NO REPEAT OF INCIDENT	6
SINAR HARIAN	TEMUI 7 TONG BERBAU CUKA	7
BERITA HARIAN	2 DITANGKAP DI JOHOR, 7 DI NEGERI LAIN	8



HARIAN METRO

26

johor

19-03-2019

Pasir Gudang

Salur bantuan keperluan RM10,000 kepada mangsa Sungai Kim Kim

Jawi Food Bank Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) menyalurkan barangan keperluan bernilai RM10,000 kepada mangsa pencemaran bahan kimia Sungai Kim Kim.

Pengarah JAWI, Mohd Ajib Ismail berkata, sumbangan yang disertai rakan strategik itu termasuk 300 helai tuala mandi dan 140 topeng penutup muka yang diagihkan ke pusat rawatan mangsa pencemaran sisa kimia itu.

"Ada 50 karton air kotak, barangan makanan dan keperluan penjagaan

kesihatan bilik mandi diagihkan," katanya di Menara Aqabah Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) di sini, semalam.

Pada masa sama, sebanyak 95 beg hadiah membabitkan barangan keperluan termasuk kain pelikat, tuala dan makanan diagihkan kepada pesakit di Hospital Sultan Ismail (HSI) di sini.

Beliau berkata, rombongan yang disertai Masjid Jamek Sultan Abdul Samad, Bahagian Dakwah JAWI bertujuan menyantuni masyarakat yang terjejas.



MOHD Ajib (tiga dari kiri) menyerahkan topeng penutup muka pada majlis sumbangan di Menara Aqabah MPPG Pasir Gudang.



UTUSAN MALAYSIA

UTUSAN MALAYSIA • SELASA 19 MAC 2019

DALAM NEGERI 3

PENCEMARAN SISA TOKSIK DI PASIR GUDANG



ANGGOTA Pasukan Khas Pengurusan Bahan Berbahaya (Hazmat) menggunakan peralatan Chemical Detector AP-46 untuk mengesan sisa toksik pada seorang kanak-kanak di Pusat Rawatan Awal, Stadium Tetchup, Majlis Perbandiran Pasir Gudang, Johor, semalam.

keimbangan kesan jangka panjang yang boleh menyebabkan kanser akibat terdedah kepada sisa toksik dan beliau menasihatkan mangsa membuat pemeriksaan kesihatan berterusan.

Sehubungan itu, beliau menyarankan orang ramai memainkan peranan sebagai pemantau dan mengekang sebarang perbuatan pemusnahan sisa toksik dengan menjadi mata serta telinga pihak berkuasa.

Kata beliau, orang ramai perlu segera melaporkan kepada pemimpin setempat jika terdapat sebarang lori yang membawa muatan asing masuk ke kawasan mereka sebelum disalurkan maklumat kepada polis dan seterusnya bomba serta jabatan alam sekitar untuk tindakan.

Dalam pada itu, beliau turut bimbang orang ramai yang tidak bertanggungjawab turut bersekongkol dengan kilang-kilang dalam melupuskan sisa toksik secara haram demi sedikit keuntungan.

ANGGOTA Hazmat memeriksa dan mengukur kualiti udara di sekitar kawasan tong yang dibuang berhampiran cabang Sungai Kim Kim dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Puteri Resort di Pasir Gudang, semalam. - UTUSAN/FARID JANUDIN

Tujuh tong dipercayai sisa buangan toksik ditemukan

PASIR GUDANG 18 Mac - Belum pun reda kes pencemaran toksik Sungai Kim Kim di sini, beberapa lagi tong dipercayai berisi sisa buangan bahan kimia ditemukan dalam sermak di Taman Tanjung Puteri Resort di sini.

Kesemua tujuh buah tong berwarna biru itu ditemui di dua lokasi berhampiran Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tanjung Puteri Resort oleh penduduk kawasan berkenaan sejak 14 Mac lalu.

Seorang wakil penduduk, Ahmad Roh Ariffin, 50, berkata, penemuan tong yang mencurigakan oleh seorang penduduk taman itu telah dimaklumkan kepada pihak berkuasa sebelum ini namun tiada seba-

rang tindakan diambil. "Semasa ditemui, tong itu didapati berbau seperti cuka tapi ia tidak dibuka kerana tidak tahu apa isi kandungannya."

"Hari ini, saya laporkan terus perkara ini kepada pejabat Menteri Besar dan wakilnya telah datang untuk meninjau kawasan terabit dengan bantuan polis," katanya ketika ditemui pemberita di lokasi penemuan tong tersebut, di sini hari ini.

Katanya, tiga daripada tong berkenaan ditemukan dibuang dalam longkang manakala empat lagi ditemukan di bawah jambatan sebatang anak sungai yang bersambung dengan Sungai Kim Kim.

Hampir semua sekolah kualiti udara normal

PASIR GUDANG 18 Mac - Hanya Sekolah Kebangsaan Taman Rinting 3 di sini menunjukkan kualiti udara yang tidak normal laitu bacaan milil Volatile Organic Compound (VOC) pada kadar lima dan tiga partikel per sejuta (PPM), menerusi pemantauan yang dijalankan semalam.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) dalam satu kenyataan membeberitahu, pemantauan dibuat di kesemua 42 sekolah yang berada dalam radius kawasan pencemaran toksik di Sungai Kim Kim di sini.

Menurut kenyataan berke-

naan, hampir kesemua sekolah menunjukkan kadar VOC sifar, kecuali SK Taman Rinting 3.

"Pemantauan di 42 buah sekolah itu dibuat oleh 30 pasukan pemantau Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), masing-masing pada pukul 12 tengah hari, 3 dan 6 petang semalam."

"Kadar VOC lima dan tiga PPM di sekolah berkenaan diperolehi ketika pemantauan dibuat pada pukul 3 petang, masing-masing di aras bawah dan aras satu sekolah berkenaan," katanya.



KOSMO

KOSMO SELASA 19 MAC 2019

2 Bencana udara beracun di Pasir Gudang

Kesemua suspek direman 6 hari bantu siasatan kes pencemaran Sungai Kim Kim

9 suspek cemar sungai ditahan

JOHOR BAHRU – Polis semakin hampir merungkai kejadian pencemaran sisa kimia di Sungai Kim Kim di Pasir Gudang selepas beberapa mem-bertugas sembilan lelaki dalam beberapa siri tangkapan di sekitar negeri ini dan luar Johor sejak semalam.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun (gambar kecil) berkata, kesemua individu itu ditahan bagi membantu siasatan selepas dipercayai terlibat dalam kes pencemaran sisa kimia di Sungai Kim Kim sejak 7 Mac lalu.

Katanya, daripada jumlah tangkapan tersebut, seramai dua suspek telah ditahan di negeri ini manakala tujuh lagi ditahan di beberapa lokasi di luar Johor.

“Operasi untuk mengesan suspek yang bertanggungjawab dalam kes ini telah dijalankan semalam (kemarin).”

“Suspek ini, kesemua suspek sudah direman selama enam hari bermula hari ini (semalam) sehingga 23 Mac depan bagi membantu siasatan,” katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat Pengerusi Jasa Pahlawan Negara, Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kordinan kedua di sini semalam.

Tambah beliau, perhormon reman bagi kesemua suspek adalah bagi membolehkan siasatan dijalankan di bawah Seksyen 278 Kanun Keseksanan kerana menjadikan udara berbahaya kepada nyawa manusia.

“Suspek juga disiasat mengikut Seksyen 284 serta Seksyen 286 Kanun Keseksanan,” katanya.

Individu yang ditapati bersalah di bawah Seksyen

278 boleh dikenakan maksimum RM10,000 manakala peruntukan hukuman penjara enam bulan atau denda RM2,000. Seksyen 286 pula membolehkan seseorang itu dipenjara sehingga 20 tahun.

Ketika ditanya mengenai perincian tangkapan, Mohamad Fuzi bergegas mengesahkan butir-butir tersebut kerana siasatan polis sedang dijalankan.

Terdahulu, Mohamad Fuzi berkata, polis memiliki



ANGGOTA polis membuat sekatan jalan bagi memeriksa kenderaan yang keluar masuk dari kawasan terlibat pencemaran sisa kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang semalam.



Desak polis segera tangkap dalang

KERATAN Kosmo semalam.

INFO Krosologi bencana udara di Pasir Gudang

- 7 Mac – Seramai 25 mangsa terdampar daripada pelajar dan kakitangan sekolah dikejarkan ke Hospital Selat. Terkini dan sisa buangan beracun dipercayai bahan kimia jenis metana yang dituang di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang.
- 9 Mac – Jumlah mangsa meningkat kepada 79 orang dan dua buah sekolah ditutup manakala pihak polis mula membuka siasatan selepas menerima laporan.
- 11 Mac – Tiga lelaki termasuk dua pemilik kilang mengesahkan tayar kitar semula di dalam kerana disyaki membuang sisa bahan kimia ke dalam Sungai Kim Kim.
- 13 Mac – Seramai 111 buah sekolah ditutup susulan kejadian pencemaran di Sungai Kim Kim, manakala kerja pembersihan turut dimulakan oleh pelbagai agensi termasuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM).
- 14 Mac – Seorang pengasah kilang yang ditahan sepatutnya didakwa di Mahkamah tetapi pendakwaan tidak dilakukan.
- 15 Mac – Jumlah mangsa meningkat kepada 4,035 orang dan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menubuhkan Jawatankuasa Sains dan Penyelidikan untuk membantu Kerajaan Negeri menyelesaikan masalah semalam menanganai isu pencemaran Sungai Kim Kim.

petaruh bagi membolehkan suspek utama terbit dengan pengemaran Sungai Kim Kim.

Beliau berkata, pihaknya kini sedang memperhebat usaha mengesan dan mem-bertugas suspek berkenaan.

Pada 11 Mac lalu, tiga lelaki termasuk dua pemilik kilang ditahan jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor kerana disyaki membuang sisa bahan kimia ke dalam Sungai Kim Kim sehingga menjadikan ribuan penduduk di Pasir Gudang.

sebelum tarikh sekolah akan dibuka di-umumkan kelak.

Beliau berkata, pihaknya juga menekankan fides perubahan atau anjakan jadual terdapat peperiksaan awam termasuk Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Dalam pada itu, seramai 59 mangsa yang terjejas akibat pencemaran toksik Sungai Kim Kim kini masih mendapat-kan rawatan di hospital.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr. Suhadrudin Jamal berkata, jumlah itu menurun berbanding seramai 120 mangsa yang dilaporkan kelmarin.

Penduduk jumpa 7 tong bahan kimia

PASIR GUDANG – Belum pun reda kes pembuangan sisa kimia di Sungai Kim Kim, penduduk Taman Tanjung Puteri Resort di sini dilaporkan dengan penemuan tujuh tong berwarna hitam dipercayai mengandungi bahan kimia yang dibuang ke dalam parti dan bawah jambatan Sungai Sembilang di sini.

Lokasi penemuan tujuh tong itu berhampiran loji kumbahan Tanjung Puteri yang terletak kira-kira 500 meter dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tanjung Puteri Resort di sini dan 2 kilometer dari Sungai Kim Kim.

Ahmad Roh Ariffin, 50, mendakwa, tong-tong tersebut ditemui penduduk ketika mereka memikat burung dan ayam di dalam bekulak berdekatan.

“Penduduk sebenarnya jumpa sejak Khamis lalu dan memaklumkan kepada pihak berkuasa namun tidak diambil tindakan.”

“Kami jumpa tiga tong dibuang ke dalam parti berdekatan manakala empat tong lagi di bawah jambatan.”

“Hari ini (semalam) kami lapor sekali lagi supaya tindakan segera diambil supaya kejadian pencemaran seperti Sungai Kim Kim tidak berulang,” katanya

ketika ditemui di sini semalam.

Ahmad Roh berkata, mereka tidak mengetahui apa isi kandungan tong tersebut namun selepas dilihat ia berbau seperti cuka.

Jelasnya, sebelum ini ada penduduk mendakwa terdapat lebih 20 tong namun dipercayai diambil oleh peniaga dadah untuk dijual.

Tujuan Kosmo di lokasi kejadian mendapati sepasukan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Pasukan Unit Bahan Berbahaya (Hazmat) Jabatan Bomba dan Penyelamatan Malaysia (DBPM) sedang menjalankan siasatan.



ANGGOTA Unit Bahan Berbahaya (Hazmat) memeriksa dan mengutip kuantiti udara di sekitar kawasan tong plastik yang ditemui berhampiran jambatan Sungai Kim Kim semalam.

111 sekolah ditutup sehingga cuti persekolahan

PASIR GUDANG – Kementerian Pendidikan memaklumkan semasa 111 sekolah di sini yang terlibat dalam insiden pencemaran sisa bahan kimia sejak 7 Mac lalu akan terus ditutup sehingga cuti penggal pertama.

Menurutnya, Dr. Maszlee Malik (gambar) berkata, tempoh penutupan ini masih kekal sehingga dimaklumkan kelak.

“Saya hadir pada hari ini (semalam) ke Menara Agipah untuk mesyuarat kakitaman dan mesyuarat penjelasan daripada semua pihak berkuasa dan pakar yang terlibat dalam siasa pencemaran sisa kimia di daerah Pasir Gudang.”

Kementerian mendapati semua sekolah yang ditutup masih belum boleh dibuka dan tempoh penutupan ini masih berlanjutan sehingga dimaklumkan kelak,” katanya pada sidang akhbar di Stadium Pertunjan Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) di sini semalam.

Cuti sekolah penggal pertama tahun ini akan bermula Jumaat ini sehingga 30 Mac depan.

Mengulas lanjut, Maszlee berkata, pihaknya akan melihat perkembangan semua berkaitan kesaham pencemaran




Mengulas lanjut, Maszlee berkata, pihaknya akan melihat perkembangan semua berkaitan kesaham pencemaran

Info Siat 19 Mac 2019 12:00 PM

	PKR	UM	BN	AMNO	PKM	
K.LUMPUR	603	717	124	431	126	835
SHAH ALAM	603	717	124	431	126	835
SEBERANG	603	717	124	431	126	835
MELAKA	603	717	124	431	126	835
JOHOR BAHRU	534	708	123	428	125	829
IPOH	605	718	125	432	127	836
P. PINANG	607	720	126	434	128	840
ALOR SETAR	608	722	127	436	129	842
K. TERENGGANU	557	718	124	429	127	829
KOTA BHARU	604	719	125	431	128	832
KUALANTAN	557	718	124	429	127	829
KANGAR	598	719	125	431	128	832
TAWAU	598	719	125	431	128	832
KOTA RINGGAS	598	719	125	431	128	832
MOKING	598	719	125	431	128	832
MIRI	531	679	123	429	126	827

Kawasan Kesihatan Semasa Bergejala



NEW STRAITS TIMES

Straits Times • TUESDAY, MARCH 19, 2019

14 | OPINION

RESTORING ENVIRONMENTAL HEALTH



ALIZAN MAHADI

THE CASE FOR A 'BETTER SAFE THAN SORRY' POLICY

The right to a clean and healthy environment must be enshrined in our Constitution so that polluters can be held responsible and accountable for their actions

LAST week, environment ministers from around the world met at the United Nations Environment Assembly in Nairobi, with one of its agenda being to agree an implementation plan towards a pollution-free planet. At the same time, almost 4,000 people were reportedly treated for inhaling toxic fumes due to the dumping of hazardous wastes into Sungai Kim Kim in Johor.

In recent times, environmental issues have become mainstream, evidenced by the Sustainable Development Goals (SDGs) being agreed to in 2015 as the overarching international development agenda at the United Nations. In Malaysia, environmental policies have evolved from addressing pollution since the 1970s, towards grander aspirations to achieve green growth.

At the implementation level, however, the reality is that we are still stuck in the first hurdle in grappling with the most basic environmental protection issues.

In 2017, the Department of Statistics revealed that 90 of 140 rivers monitored for levels of biochemical oxygen demand (BOD) were classed as polluted. Air pollution continues to plague the region, with an Air Pollutant Index (API) reading of 143 recorded in Kota Kinabalu on Saturday.

The incident on Sungai Gudang is a stark reminder that environmental issues should not be confined to a small group of environmentalists but should concern us all.

Sampling of Sungai Kim Kim identified chemicals that are hazardous to our health at high levels of exposure. While the focus now



The Fire and Rescue Department hazardous materials (Hazmat) team cleaning up the chemically polluted Sungai Kim Kim in Pasir Gudang, Johor, recently. PIC BY AFI SAFRI

is to treat victims that suffer from acute illnesses, such as respiratory problems and skin irritation, what is worrying is that the pollutants can result in chronic illnesses. Some of the chemicals are carcinogenic — which can cause cancer — as well as affect internal organs such as causing liver damage.

History tells us that we should not dismiss this as a one-off event. The Bukit Merah rare earth radioactive disposal led to at least eight leukaemia cases and several cases of physical defects in newborns.

More recently, bauxite mining in Kuantan led to complaints about air and water pollution, including contamination of water treatment plants. Sungai Kim Kim itself was already known to be polluted.

According to water quality and modelling specialists Dr Zaki Zainudin, who has been monitoring the river for nearly 10 years, "It was an open secret that the river had been turned into a dumping site since 2012". Its long-term impact on the health of those affected is still poorly understood.

And what about the cases in different localities that we are still unaware of? As the remedial actions continue, we should not

lose sight of the need to not only prevent such disasters from occurring, but to also restore our environmental health as a whole.

To reorient ourselves towards this path, we should align our policies to principles that are enshrined in international environmental law.

FIRST, is the precautionary principle, where scientific uncertainty should not be used as a reason not to take any action. The potential impact in the form of chronic illnesses is a point in case where despite it requiring further research to establish causality, a "better safe than sorry" policy should proceed.

In parallel, efforts by the scientific community and government to monitor and understand these phenomena should be intensified.

The consolidation of data from various agencies announced by the Energy, Technology, Science, Climate Change and Environment Minister Yeo Bee Yin is a promising step.

SECOND, is the prevention principle, where the focus is eliminating or reducing pollution from being released into the environment, at source, before the recycling, treatment or disposal processes. The Pollution Prevention Act of the United States es-

established an Office of Chemical Safety and Pollution Prevention that facilitates tools and processes for companies to implement prevention at source.

THIRD, is the polluter pays principle, which includes both direct and indirect costs. The initial cost of the clean-up of 1.8km of Sungai Kim Kim alone is reported to be RM6.5 million.

If you add the potential costs of further clean-up, hospital treatment, monitoring and business closures that will have to be borne by the government, businesses, individuals and society at large, it multiplies further.

Moving forward, these principles should be enshrined within our domestic policies and law. Under the Environmental Quality Act 1974, the maximum fine is RM500,000. In addition, the practice of granting contravention licences to industries provides a disincentive to install pollution control equipment as the cost of the licences is often cheaper. From an individual rights perspective, attempts to sue the responsible companies are made more difficult due to the fact that the right to a clean and healthy environment is not enshrined in our Constitution.

As the saying goes, prevention is better than cure, and while the firefighting approach is needed to solve the crisis in Johor, a longer term strategy is needed to protect our citizens. This requires strengthening or replacing existing laws and policies to address environmental pollution.


Ultimately though, the effectiveness of any policy lies in its implementation. Where it hits the bottom line, in any part of the world, it is only natural to expect vested interests to attempt to influence the enforcement process.

However, in the New Malaysia, hopefully this practice is consigned to the past, especially in relation to issues that impact our ability to pursue a long and meaningful life, such as our environmental health.

alizan@is.org.my

The author is a Fellow in Technology, Innovation, Environment and Sustainability (TIES) division, Institute of Strategic and International Studies, Malaysia

History tells us that we should not dismiss this as a one-off event. The Bukit Merah rare earth radioactive disposal led to at least eight leukaemia cases and several cases of physical defects in newborns.



THE STAR

STARMETRO, TUESDAY 19 MARCH 2019

By REMAR NORDIN
metro@thestar.com.my

JOHOR BARU: The state government will set up permanent monitoring posts at Sungai Kim Kim from Thursday to ensure that illegal dumping activities at the Pasir Gudang river do not happen again.

Johor Menteri Besar Datuk Osman Sapian said that two enforcement officers from the Pasir Gudang Municipal Council (MPPG) would be put on shift to monitor selected locations at the river.

"The local authorities will be closely monitoring the place from time to time, especially during the wee hours, to prevent a similar incident from ever happening again."

"I will go down to monitor the river conditions myself and see the most strategic spot to monitor and station our personnel in the area," he said after attending the state disaster management committee meeting at MPPG.

The illegal dumping of hazardous chemicals into Sungai Kim Kim on March 7 caused toxic fumes that resulted in up to 3,000 people, many of them students, needing medical treatment. The Education Ministry also ordered the closure of 111 schools in Pasir Gudang as authorities worked to remove chemicals from the river.

Osman added that although the clean-up work was completed, the state ordered the contractors involved to stay and monitor the location until tomorrow.

A total of 450 tonnes of polluted soil, water and sludge from Sungai Kim Kim was removed on Sunday with work now entering the monitoring stage.

Johor MB promises no repeat of incident

MPPG enforcement officers to be stationed at strategic spots along Sungai Kim Kim

"We have finished the clean-up process; it is just that we still need to monitor the location for at least three days as part of our contingency plan."

"The polluted material has been sent to an incineration plant in Jalan Tembaga, Pasir Gudang to be incinerated," Osman said, adding that this was done to ensure that all chemical residue was destroyed.


"The incinerated remains will be sent to Kualiti Alam Hazardous Waste Management Facility in Bukit Pelanduk, Seremban," he said.

Now that the toxic chemicals were removed from the river, the Menteri Besar said the focus would shift to the task of hunting down other factory or owners of premises involved in illegal waste dumping in the state, with the police having already identified some locations.

"We will come down hard on these irresponsible people who have taken this illegal dumping act lightly, and all updates will be shared by the state chief of police," he said.



Osman chairing the disaster management committee meeting at the Pasir Gudang Municipal Council. The state intends to set up permanent monitoring stations along Sungai Kim Kim.



SINAR HARIAN

Temui 7 tong berbau cuka

Ditemui bawah jambatan di belakang SMK Tanjung Puteri Resort

RAZIATUL HANUM
A. RAJAK

PASIR GUDANG

Penduduk Taman Tanjung Puteri Resort mendakwa, menemui tujuh tong biru mencurigakan di bawah jambatan dan longkang kira-kira 500 meter dari SMK Tanjung Puteri Resort.

Salah seorang penduduk, Ahmad Roh Ariffin, 50, berkata, hasil pemeriksaan awal mendapati bahan di dalam tong itu berbau

seperti cuka.

"Penduduk yang memikat ayam jumpa sejak Khamis lalu dan masa itu, kita dah laporkan kepada pihak berkuasa, namun tiada tindakan sampai hari ini (semalam).

"Kita jumpa empat tong bawah jambatan ini dan tiga tong lagi dalam parit. Masa turun tengok kita ada terhidu seperti cuka pada tong itu," katanya ketika ditemui di lokasi penemuan tujuh tong mencurigakan di belakang SMK Tanjung Puteri Resort, semalam.

Jarak kawasan penemuan empat tong di bawah jambatan dengan penemuan tiga tong di kawasan parit kira-kira 200 meter.

Sementara itu, Pegawai Khas Menteri Besar Johor, Syed Othman Abdullah

PENCEMARAN SUNGAI KIM KIM



FOTO: RAJA JAFAR ALI

Anggota bomba dan penyelamat dari Unit Hazmat mengambil bacaan pada beberapa tong yang dijumpai di kawasan parit berhampiran SMK Tanjung Puteri Resort, Pasir Gudang.

hadir ke lokasi selepas menerima aduan dan difahamkan perkara tersebut disampaikan kepada Menteri Besar, Datuk Osman Sapian.

Kemudian, pegawai ja-

batan Alam Sekitar (JAS) Johor tiba di lokasi dan mengambil sampel berwarna hitam pekat.

Pasukan Unit Bahan Berbahaya (Hazmat) Jabatan Bomba Malaysia turut

tiba dan mengambil bacaan pada mulut tong.

Dalam pada itu, Ahmad Roh berkata, Sungai Sembilang yang bersambung terus dengan Sungai Kim Kim sudah

mjo

- 4 tong bawah jambatan
- 3 tong dalam parit
- Sungai Sembilang bersambung Sungai Kim Kim

lama tercemar.

"Keadaan sungai itu memang begitu dah kotor bertahun-tahun, lebih lima tahun lepas tapi tiada tindakan.

"Punca kotor kita tidak pasti mungkin kerana sisa perumahan berdekatan atau kilang-kilang dekat-dekat sini," katanya yang tidak mahu kes pencemaran kimia di Sungai Kim Kim berulang.

Beliau berharap tong-tong tersebut dikeluarkan segera dan kawasan itu dibersihkan supaya tidak menjadi lebih parah.



BERITA HARIAN

Ms.16

Selasa, 19 Mac 2019 **BH**

→ ALAM SEKITAR

PENCEMARAN DI PASIR GUDANG

2 ditangkap di Johor, 7 di negeri lain

Operasi buru suspek cemar Sungai Kim Kim diteruskan

Oleh Izlaily Nurul Ain Hussein
izlaily@nstp.com.my
Johor Bahru

Polis menahan sembilan lelaki dipercayai terabit dalam kes pembuangan sisa bahan kimia di Sungai Kim Kim, Taman Pasir Putih, Pasir Gudang, dekat sini.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun, berkata semua suspek itu ditahan dalam operasi khas kelmarin. "Dua suspek ditahan di Johor manakala tujuh lagi ditahan di luar negeri ini.

Tak boleh dedah maklumat

"Operasi memburu suspek lain masih diteruskan. Saya tidak boleh dedahkan terlalu banyak maklumat kerana akan mengganggu siasatan dan operasi polis," katanya. Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Istiadat Penganugerahan Pingat Jasa Pahlawan Negara Kontinjen Johor di Dewan Dato' Onn, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor di sini, semalam. Yang turut hadir, Pengarah Pengurusan Bukit Aman, Datuk

Abd Rahim Jaafar; Ketua Polis negeri, Datuk Mohd Khalil Kader Mohd dan Timbalan Ketua Polis negeri, Datuk Mohd Kamarudin Md Din.

Mohamad Fuzi berkata, semua suspek terabit kini direman enam hari sehingga Sabtu ini.

Katanya, semua mereka disiasat mengikut Seksyen 278, Seksyen 284 dan Seksyen 326 Kanun Keseksama, masing-masing kerana menjadikan udara berbahaya kepada kesihatan, berkelakuan cuai membabitkan bahan beracun dan menyebabkan cedera parah.

Kelmarin, Mohamad Fuzi dilaporkan berkata, pihaknya sudah ada petunjuk bagi memberkas suspek utama terabit dengan pencemaran Sungai Kim Kim di sini dan operasi memburu mereka giat dijalankan.



[FOTO BERNAMA]

Mohamad Fuzi menganugerahkan Pingat Jasa Pahlawan Negara kepada bekas pesara polis, Maimunah Abd Razak pada Majlis Istiadat Penganugerahan Pingat Jasa Pahlawan Negara Kontinjen Johor, di Johor Bahru, semalam.

